

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97**

April 1997

FEK 101 - Drug Di Dalam Negara Membangun

Masa: 2 jam

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 5 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

(FEK 101)

1. (A) Jelaskan perancangan serta strategi-strategi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia di dalam sektor kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-7.
(12 markah)

- (B) Pakar-pakar di dalam bidang etika perubatan sering mempersoalkan isu-isu yang berkaitan dengan kesamaan dan keadilan di dalam aspek penggunaan kemudahan sistem kesihatan di dalam sesebuah negara. Jelaskan fenomena ini di dalam konteks negara Malaysia serta berikan cadangan yang berasas bagi mengatasi masalah tersebut.
(8 markah)

2. (A) Berikan definisi empat (4) kaedah penilaian farmakoekonomi yang disenaraikan seperti berikut:
 - (i) kos faedah
 - (ii) kos-keberkesanan
 - (iii) kos-pengurangan
 - (iv) kos-utiliti
(10 markah)

.....3/-

(FEK 101)

- (B) Sesuatu ubat tidak harus lagi dinilai dari sudut keberkesanannya, keselamatannya dan kualitinya sahaja. Ciri-ciri farmakoekonomi dianggap sama pentingnya. Jelaskan pertimbangan-pertimbangan yang perlu diambilkira dalam menilai kesesuaian sesuatu ubat untuk dimasukkan ke dalam formulari dari sudut farmakoekonomi.

(10 markah)

3. Tulis nota ringkas tentang perkara-perkara berikut:

- (A) Pengaruh perindustrian dalam amalan farmasi semasa.

(10 markah)

- (B) Penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan pesakit.

(10 markah)

.....4/-

(FEK 101)

4. (A) Senaraikan ciri-ciri utama yang perlu dipertimbangkan dalam penggubalan Dasar Drug Negara.

(5 markah)

- (B) Nyatakan mengapakah Dasar Drug Negara itu penting di sesebuah negara membangun. Beri contoh-contoh yang sesuai.

(9 markah)

- (C) Bincangkan dua (2) masalah utama yang berkaitan dengan perlaksanaan Dasar tersebut.

(6 markah)

5. (A) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep ubat esensial? Nyatakan kriteria pemilihan ubat-ubat ini dan terangkan sejauh mana ianya diterimakai oleh negara-negara ahli WHO?

(10 markah)

- (B) “Kebebasan klinikal mulai digantikan dengan amalan yang berteraskan konsep terapi drug rasional di kalangan para doktor”. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini? Terangkan sama ada fenomena ini merupakan suatu yang baik untuk pesakit.

(10 markah)

.....5/-

(FEK 101)

6. (A) Berikan kriteria-kriteria yang berkaitan dengan promosi sesuatu drug sepetimana yang telah disarankan oleh World Health Organisation (WHO).

(5 markah)

- (B) Terangkan konsep farmakoepidemiologi dan kepentingannya di dalam praktis farmasi.

(5 markah)

- (C) Insiden "thalidomide" yang berlaku lebih daripada 30 tahun yang lalu merupakan satu tragedi yang sukar dilupakan dalam sejarah farmakoterapi. Bincangkan insiden ini serta implikasinya terhadap aktiviti pengawalan ubat-ubatan.

(10 markah)

oooOOOooo

